

29/05/2002

63 syarikat taja malam IAM

PETALING JAYA, Selasa - Sebanyak 63 syarikat memberi sumbangan wang tunai dan barangan bernilai RM150,000 kepada Institut Akhbar Malaysia (IAM) untuk dihadiahkan kepada 29 wartawan terbaik dan pemenang hadiah cabutan bertuah di Majlis Malam Wartawan anjuran institut itu 2 Jun ini.

Pengerusi IAM, Datuk Mazlan Nordin, berkata jumlah penajaan yang besar itu menandakan kesediaan syarikat terbabit bekerjasama dan memberi galakan kepada media seterusnya mengeratkan hubungan sesama mereka.

"Saya, bagi pihak IAM mengucapkan terima kasih kepada syarikat yang menaja hadiah berkenaan dan berharap kerjasama di antara kita akan berterusan pada masa akan datang," katanya ketika berucap pada majlis Penerimaan Sumbangan Barangan Cabutan Nombor Bertuah dan Cenderamata di Menara Star di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarang Bernama, Jaafar Hussin dan Pengarah IAM, Zaihan Mahmud.

Pada majlis itu, wakil syarikat terbabit menyerahkan sumbangan barangan kepada Mazlan termasuk dua motosikal, tiket penerbangan, telefon bimbit, barangan elektrik, pakej penginapan di hotel, baucer beli belah dan hamper.

Majlis Malam Wartawan dijangka dihadiri wartawan dan ahli korporat dari lebih 50 pertubuhan media dan korporat.

Tetamu kehormat majlis, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan hadiah berkenaan.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga akan menyampaikan amanatnya mengenai isu semasa yang berkaitan kewartawanan Malaysia.

Hadiah wang tunai akan diberi kepada wartawan yang menghasilkan laporan terbaik 10 kategori, termasuk Laporan Berita/Rencana, Sukan, Kewartawanan TV, Hiburan, Ekonomi/Kewangan dan Foto Media.

Dua wartawan masing-masing akan menerima Hadiah Kajai dan Wartawan Cemerlang, iaitu kategori utama dalam Hadiah Kewartawanan Malaysia.

Pemenang dua kategori utama itu akan menerima wang tunai RM10,000. Bagi kategori lain, setiap pemenang akan menerima RM5,000.

Hadiah wang tunai disumbangkan Petronas yang menaja hadiah terbesar sejak 1994.

(END)